

Berita Harian 23/7/2022 (Page 2)

'Langkah tambat Ringgit berisiko'

BNM tegaskan lebih wajar kekal kadar pertukaran fleksibel untuk ekonomi buat penyesuaian

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Mahanum Abdul Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tambatan Ringgit mempunyai risiko dan penggantian (trade-off) yang besar serta ia bukan langkah yang terbaik untuk ekonomi Malaysia.

Gabernornya, Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Sham-

siah Mohd Yunus menegaskan, kadar pertukaran yang fleksibel lebih wajar dikekalkan bagi membolehkan ekonomi negara membuat penyesuaian terhadap sebarang kejutan luaran dengan lebih baik.

Kadar pertukaran mata wang yang fleksibel, katanya memudahkan penetapan dasar monetari, iaitu pengurusan kadar faedah.

Justeru, beliau berkata, seandainya tambatan dilaksanakan, Malaysia perlu mengikut sepenuhnya dasar monetari yang mata wangnya menjadi asas Ringgit ditambah.

"Contohnya, jika Ringgit ditambah kepada dolar AS dan seandainya kadar faedah Rizab Persekutuan meningkat sebanyak 325 mata asas (atau 3.25 peratus) secara keseluruhan pada 2022, maka Kadar Dasar Semalaman (OPR) juga perlu dinaikkan pada

kadar yang sama meskipun Malaysia berada pada tahap pemulihan ekonomi dan tekanan inflasi yang berbeza daripada negara itu.

"Dalam hal ini, Malaysia akan menghadapi kekangan untuk menentukan dasar monetari dan rakyat pula terpaksa menanggung kos pembiayaan yang tinggi walaupun ekonomi kita belum pulih ke tahap yang sama seperti dialami di AS.

Langkah kawalan modal

"Justeru, bagi mengawal dasar monetari dalam negeri dengan lebih baik, ia perlu dilengkapi dengan langkah kawalan modal. Semua tindakan ini akan diperlukan bagi menghalang tekanan spekulatif terhadap Ringgit," katanya kepada BH.

Gabernor bank pusat itu turut mengakui bahawa faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan rejim kadar pertukaran te-

Malaysia kini juga jauh lebih kukuh berbanding semasa Krisis Kewangan Asia (AFC) pada 1997-1998.

Beliau berkata, ia dapat dilihat melalui pertumbuhan ekonomi yang stabil, institusi kewangan lebih teguh dan pasaran kewangan domestik yang mendalam, malah Malaysia kini mempunyai kedudukan pemiutang luar bersih serta tahap rizab antarabangsa yang mencukupi.

Oleh itu, katanya, meskipun BNM tidak menetapkan sebarang sasaran pada kadar pertukaran, dasarnya bertujuan memastikan keadaan pasaran Ringgit teratur.

"Hal ini membolehkan pergerakan Ringgit berlaras dengan cekap mengikut penawaran dan permintaan Ringgit dalam pasaran. BNM sentiasa bersedia untuk menggunakan instrumen sedia ada bagi memastikan pergerakan dalam kadar pertukaran

Seandainya tambatan dilaksanakan, Malaysia perlu mengikut sepenuhnya dasar monetari yang mata wangnya menjadi asas Ringgit ditambah

Nor Shamsiah Mohd Yunus, Gabenor Bank Negara



meningkatkan nilai ditambah pada barangan dan perkhidmatan kita, bukannya sekadar memberikan tumpuan pada dasar Ringgit yang khusus.

Ibadat & Fadilat

Baginda SAW bersabda: "Siapa yang solat sunat 12 rakaat sehari semalam, Allah akan membangunkan rumahnya di syurga." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:58	1:28	4:50	7:39	8:54
Alor Setar	5:59	1:27	4:50	7:39	8:53
P. Pinang	6:01	1:27	4:50	7:38	8:52
Ipoh	6:00	1:25	4:48	7:34	8:48
Kuala Lumpur	5:59	1:23	4:46	7:30	8:44
Shah Alam	5:59	1:23	4:46	7:30	8:44
Johor Bahru	5:53	1:14	4:37	7:19	8:32
Kuantan	5:54	1:17	4:40	7:24	8:38
Seremban	5:59	1:21	4:44	7:27	8:41
Bandar Melaka	5:58	1:20	4:43	7:26	8:40
Kota Bharu	5:52	1:20	4:43	7:31	8:41
K. Terengganu	5:50	1:16	4:39	7:26	8:40
Kota Kinabalu	4:59	12:26	3:49	6:36	7:50
Kuching	5:28	12:49	4:12	6:54	8:08

tap pada 1998 ialah kawalan modal yang diperkenalkan pada masa itu.

Namun, tegasnya langkah kawalan modal sekiranya diperkenalkan akan mempunyai kesan negatif terhadap ekonomi negara menerusi penurunan keyakinan pelabur.

"Langkah menambat Ringgit akan memberikan kesan yang negatif terhadap sentimen pelabur. Ini akan menjejaskan pelaburan portfolio serta kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia.

"Dasar untuk mengekalkan tambatan Ringgit juga memerlukan kos yang tinggi kerana langkah ini akan menggunakan sejumlah besar rizab negara, terutama dalam keadaan pasaran yang tertekan. Hal ini akan melemahkan daya tahan luaran kita," katanya.

Selain risiko yang timbul daripada tambatan Ringgit, Nor Shamsiah berkata, asas ekonomi

kekal teratur.

"Instrumen dasar ini termasuk langkah memastikan mudah tunai mencukupi dalam sistem perbankan dan menggunakan intervensi pertukaran asing apabila pasaran Ringgit tidak teratur atau tidak berfungsi," katanya.

Perkukuh modal insan

BNM katanya, turut melaksanakan langkah kehematan berkaitan dengan pasaran pertukaran asing untuk melindungi Ringgit daripada sebarang peningkatan risiko berlebihan oleh bank dan syarikat korporat dalam negara yang boleh menggugat ekonomi semasa tempoh kejutan luaran.

"BNM ingin menekankan bahawa pengeksport dan pengeluar perlu bersaing berdasarkan kualiti produk yang baik serta produktiviti yang tinggi, bukan berdasarkan faktor nilai Ringgit.

"Keutamaan seharusnya diberikan kepada usaha memperkukuh modal insan negara dan

"Semua langkah ini akan menjadikan Malaysia destinasi pelaburan lebih menarik yang seterusnya meningkatkan pendapatan benar serta taraf hidup isi rumah dan perniagaan di Malaysia," katanya.

Baru-baru ini, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan kerajaan mempertimbangkan pelaksanaan tambatan mata wang yang dilaksanakan semasa Krisis Kewangan Asia pada 1997-1998 dalam menangani ketidakpastian ketara nilai Ringgit dalam pasaran pertukaran asing.

Dr Mahathir berkata, ketidakpastian ekonomi global akibat pandemik COVID-19 menjadikan perkara itu wajar dipertimbangkan untuk mencegah ketidakstabilan nilai Ringgit.

Malaysia melaksanakan tambatan Ringgit RM3.80 berbanding dolar AS pada 1 September 1998 dan kemudian memansuhkannya pada Julai 2005.